

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 24 JANUARI 2016 (AHAD)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	'Perluas sistem iComm ke luar bandar'	Berita Harian
2	iComm tingkat taraf hidup	Utusan Malaysia
3	Perluas iComm jamin keselamatan penduduk luar bandar	Metro Ahad
4	PM: iComm system can boost rural security	New Straits Times
5	'Don't just memorise, be creative	Sunday Star
6	Ketulan ais tak beracun	Metro Ahad
7	Amaran angin kencang, laut bergelora sehingga rabu	Bernamea.com

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 2
TARIKH: 24 JANUARI 2016 (AHAD)

'Perluas sistem iComm ke luar bandar'

» PM mahu aspek keselamatan penduduk dipertingkatkan

Oleh Abdul Razak Raaff dan Amin Ridzuan Ishak
bhnews@bh.com.my

► Pekan

Datuk Seri Najib Razak mahu Sistem Prasarana Komuniti Pintar (iComm) diperluas secara lebih menyeluruh di kawasan luar bandar bagi membantu meningkatkan aspek keselamatan penduduk.

Perdana Menteri berkata, kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) itu seperti pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) dan keupayaan pemantauan jarak jauh secara tepat banyak memberi faedah.

"Sistem iComm boleh dipasang di timur Sabah seperti kampung di Lahad Datu, Semporna dan Sandakan. Apabila ada CCTV, penduduk boleh memantau jika ada penceroboh masuk dan menahannya.

"Inilah juga pembangunan berterusan yang kerajaan laksanakan di kawasan luar bandar dan kita sesuaikan dengan kemajuan ICT supaya mereka dapat menikmati kemudahan serta persiapan menghadapi cabaran era globalisasi dan hidup dalam dunia tanpa sempadan," katanya ketika merasmikan iComm Kampung Padang Rumbia di sini, semalam.

Aplikasi iComm adalah satu daripada inisiatif di bawah program inovasi sosial Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi yang me-



Najib bersama pelajar cemerlang UPSR selepas Majlis Penyampaian Hadiah Kecemerlangan UPSR 2015 di Pekan, semalam. (FOTO LUOMAN HAKIM ZUBIR/BH)

rangkumi rangkaian litar tertutup, alat pemantau paras air sungai dan platform komunikasi mudah alih berasaskan internet.

Projek rintis

Kampung Padang Rumbia adalah komuniti desa pertama di Malaysia yang mendapat faedah daripada projek rintis yang juga ber-

tujuan memanfaatkan ICT untuk memperbaiki taraf sosioekonomi penduduk.

Ia sudah beroperasi sejak dua bulan lalu dan capaian internet percuma sudah dimanfaatkan lebih 1,000 penduduk kampung itu, selain dipasang 10 CCTV bagi memantau paras air sungai, persekitaran dan keselamatan.

Najib ucap selamat menyambut Thaipusam

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak mengucapkan selamat menyambut Thaipusam kepada seluruh penganut Hindu di Malaysia, hari ini.

Perdana Menteri berkata, Thai-pusam disambut setiap tahun apabila masyarakat Hindu Malaysia menunaikan ikrar mereka dan masa bagi Malaysia menunjukkan kepada dunia semangat

tulen 1Malaysia.

"Kita mesti terus menegakkan prinsip mulia ini demi memperkukuhkan lagi perpaduan dan kesatuan nasional dengan semangat tulen 1Malaysia," kata beliau dalam perutusan sempena sambutan perayaan itu hari ini, dalam blognya www.najibrazak.com.

BERNAMA

orang penduduk, Sabri Ismail, 45, di Kampung Paya Rumput di sini, yang lumpuh separuh badan sejak Oktober tahun lalu, selepas menjalani pembedahan akibat saluran darah di kepalanya pecah di Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA), Kuantan.

Najib yang juga Ketua UMNO Bahagian Pekan ketika itu dalam perjalanan ke Perumahan Komuniti Bersepadu Kampung Padang Rumbia untuk merasmikan Majlis Pelancaran iComm, singgah ke rumah Sabri selepas dimaklumkan mengenai keadaannya.

Beliau meluangkan masa kira-kira 15 minit untuk bertanya khabar Sabri dan menghulurkan sumbangan peribadi kepada isteri Sabri, Arinawati Mat Sen, 32.

Arinawati berkata, suaminya hanya mampu mengalirkan air mata terharu sebaik menerima lawatan mengejut Perdana Menteri dan mereka menganggap seperti mimpi apabila dapat ber-bual dengan pemimpin nombor satu negara itu.

Labur dalam pendidikan

Sementara itu, ketika berucap pada Majlis Penyampaian Hadiah Kecemerlangan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) 2015 dan bantuan persekolahan pelajar miskin Parlimen Pekan, Najib berkata, perbelanjaan bijak dalam pendidikan dapat memberi pulangan besar kepada agama, bangsa, negara dan masyarakat serta menghasilkan modal insan bertikiran kreatif dan inovatif pada masa depan.

Katanya, kerajaan sentiasa menyedari kepentingan pendidikan dan sentiasa bersedia menanganai cabaran perubahan akibat arus kemajuan dan pemodenan demi mencapai kecemerlangan yang diimpikan.

PM mahu ia diperluas seluruh negara

iComm tingkat taraf hidup

Oleh MOHD. SHARIZA ABDULLAH
utusan.ktr@utusan.com.my

■ PEKAN 23 JAN.

PROJEK Sistem Prasarana Komuniti Pintar (iComm) yang dilancarkan hari ini bakal diperluaskan ke seluruh negara bagi membantu meningkatkan taraf hidup dan aspek keselamatan rakyat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam sistem itu seperti rangkaian kamera litar tertutup (CCTV) dan platform sistem komunikasi mudah alih berasaskan internet mampu mengubah corak hidup rakyat selari dengan perkembangan arus globalisasi.

Menurut beliau, projek berkenaan yang pertama seumpamanya di rantau ini mendatangkan banyak manfaat kepada rakyat secara keseluruhannya termasuk dapat digunakan bagi mengawasi sempadan negara daripada sebarang ancaman pencerobohan.

"Kalau sebut tentang ancaman keselamatan, umpamanya di timur Sabah kita boleh pasang sistem ini di kampung-kampung di Lahad Datu, Semporna dan Sandakan.

"Kita dapat kesan dan pantau sebarang anasir luar yang cuba menceroobh negara ini menerusi CCTV yang dipasang," katanya ketika melancarkan sistem berkenaan di Kampung Padang Rumbia di sini hari ini.

Yang hadir sama, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangau; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Chini, Datuk Abu Bakar Harun; ADUN Bebar, Mohamad Fakhrudin Mohd. Ariff; Pengerusi MIMOS Berhad (MIMOS), Datuk Omar Kasih dan Ketua Pegawai Eksekutif MIMOS, Datuk Abdul Wahab Abdullah.

iComm merupakan satu inisiatif di bawah program inovasi so-



Kita dapat kesan dan pantau sebarang anasir luar yang cuba menceroobh negara ini menerusi CCTV yang dipasang."

NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri

sial Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi yang dibangunkan menerusi MIMOS untuk menaik taraf sistem komunikasi masyarakat setempat.

Kampung Padang Rumbia dipilih sebagai perintis menempatkan sistem berkenaan yang membolehkan penduduk mengecapi gaya hidup berbeza seperti menikmati capaian internet selain kawasan berkenaan dilengkapi dengan 10 CCTV dan sistem amaran bencana.

Najib berkata, ledakan ICT seiring dengan peredaran zaman turut menuntut kepada perubahan corak kualiti hidup dan pembangunan yang diperlukan rakyat walau di mana mereka berada.

Perdana Menteri menyorot zaman kepemimpinan ayahanda beliau, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein semasa menjadi Perdana Menteri kedua yang mana ketika itu kehendak pembangunan di luar bandar adalah berbeza berbanding era sekarang yang berpaksikan kepada pengetahuan ICT sebagai teras kejayaan sesebuah negara.

"Dahulu kita mahu kemudahan asas seperti bekalan elektrik, air, jalan raya, balai raya dan lembu pawah. Kini masa telah berlalu, negara semakin jauh ke hadapan. Kemajuan dunia dalam bidang sains dan teknologi membuka era baharu di zaman yang dikenali sebagai era maklumat dan K-ekonomi," ujar beliau.

